

Najib Nasihat Rakyat Keluar Mengundi Pada 5 Mei Ini
Bernama
24 April, 2013

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menasihatkan rakyat untuk keluar mengundi pada hari pengundian 5 Mei ini bagi pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Perdana Menteri mengajak rakyat supaya mengikuti perjalanan kempen beliau bertemu rakyat di seluruh negara bagi berkongsi perancangan Barisan Nasional (BN) di kawasan masing-masing.

"Saya telah mula berkongsi perjalanan kempen di blog saya," katanya dalam laman Facebook beliau Rabu.

Dalam entri terbaharu blog beliau, Najib berkata pada hari pertama kempen PRU13, beliau memulakan kempen dengan penyerahan borang penamaan calon di Dewan Sultan Ahmad Shah, Pekan di Pahang.

"Saya akan mempertahankan kerusi Parlimen Pekan. Semoga BN terus diberi mandat pada PRU13 nanti," katanya.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944697>